



## Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences

Journal homepage:  
<https://karyailham.com.my/index.php/jarsbs/index>  
ISSN: 2462-1951



# Perpaduan Kaum dan Konsep Malaysia Madani: Suatu Penilaian Sosial *Ethnic Unity and the Malaysia Madani Concept: A Social Assessment*

Nor Hafizan Habib Sultan\*, Siti Norayu Mohd Basir<sup>1</sup>, Siti Balkis Mohamed Ibrahim<sup>1</sup>, Mohd Arsad Johanis<sup>1</sup>

<sup>1</sup> Jabatan Bahasa & Pengajian Umum, Fakulti Perniagaan & Komunikasi, Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), 02100 Padang Besar, Perlis, Malaysia

### ARTICLE INFO

#### Article history:

Received 7 September 2025

Received in revised form 2 October 2025

Accepted 28 October 2025

Available online 3 November 2025

#### Keywords:

Perpaduan, kestabilan, kemajuan, kesepakatan, sosial, inklusif, kesaksamaan dan Madani  
*Unity, stability, progress, consensus, social, inclusive, equality and Madani*

### ABSTRACT

Perpaduan antara kaum merupakan asas penting dalam menjamin kestabilan dan kemajuan sesebuah negara. Makalah ini mengkaji konsep perpaduan yang dikaitkan secara langsung terhadap gabungan atau kesepakatan. Hal ini akan melihat intipati utama dalam dasar kerajaan ke arah kemakmuran bersama. Sejarah penubuhan Malaysia pada tahun 1963 dan proses integrasi sosial yang unik dalam konteks Malaysia turut dibincangkan, dengan penekanan kepada tiga komponen utama perpaduan iaitu keadilan sosial, kesaksamaan, dan inklusiviti. Konsep Malaysia Madani, adalah bertujuan membina masyarakat inklusif dan harmoni dengan menekankan nilai seperti keadilan sosial dan keharmonian. Selain itu, perbincangan tentang cabaran dan halangan dalam mencapai perpaduan antara kaum, termasuk ketidaksamarataan ekonomi dan polarisasi kaum turut sama dilakukan. Perpaduan antara kaum yang berteraskan konsep Malaysia Madani mempunyai potensi besar untuk memperkukuh keharmonian nasional, dengan syarat pendekatan inklusif dan keadilan sosial terus diutamakan.

*Inter-ethnic unity is a fundamental pillar in ensuring the stability and progress of a nation. This paper examines the concept of unity as it directly relates to integration and consensus, focusing on the key elements within government policies aimed at achieving shared prosperity. The historical context of Malaysia's formation in 1963 and the unique process of social integration within the Malaysian context are discussed, with an emphasis on three core components of unity: social justice, equality, and inclusivity. The concept of Malaysia Madani aims to build an inclusive and harmonious society by emphasizing values such as social justice and harmony. Additionally, the paper explores the challenges and obstacles in achieving inter-ethnic unity, including economic disparities and ethnic polarization. Unity among the diverse ethnic groups, as envisioned through the Malaysia Madani framework, holds significant potential for strengthening national harmony, provided that an inclusive approach and social justice remain central priorities.*

\* Corresponding author.

E-mail address: [norhafizan@unimap.edu.my](mailto:norhafizan@unimap.edu.my)

## 1. Pengenalan

Malaysia merupakan antara negara dunia yang didasari oleh kepelbagaian etnik dan kerencaman budaya sosial. Latar etnik masyarakat Malaysia yang pelbagai merupakan antara acuan utama menyuntik nilai perpaduan dalam memahami konsep semangat patriotisme negara [1]. Keperluan kepada perpaduan kaum adalah sesuatu yang kritikal dalam memastikan tidak berlakunya konflik etnik sekali gus akan mengganggu kestabilan politik, kemajuan dan pembangunan ekonomi negara [2].

Sejak 1946 sehingga sekarang, pola hubungan etnik boleh dikategorikan dalam pola turun naik akibat berlakunya beberapa konflik yang melibatkan etnik [3]. Prejudis dan stereotaip antara satu sama lain dikatakan sebagai punca berlakunya kedinginan hubungan etnik di Malaysia [4]. Perpaduan lebih sukar diwujudkan apabila kelompok mengutamakan kepentingan politik etnik lebih dari kepentingan bersama [5]. Nilai jati diri mungkin berbeza mengikut kaum yang pelbagai tetapi nilai-nilai jati diri yang dikongsi bersama perlu dipupuk sebagai asas ataupun landasan bagi menjamin keharmonian dan keutuhan perpaduan masyarakat Malaysia [6].

Di bawah pemerintahan Perdana Menteri ke-10, Dato' Seri Anwar Ibrahim, beliau telah menyambung kesinambungan mempertahankan dan memperkukuh perpaduan etnik dengan memperkenalkan Malaysia MADANI. MADANI merupakan gaya Malaysia, yang menggabung jalin amalan sedia ada dengan kaedah baru yang direka untuk menangani isu-isu baru dan ketidakpastian. Malaysia MADANI diperkenalkan dengan tiga objektif jelas iaitu membasmi kemiskinan, penstrukturan semula ekonomi dan menjana serta memulihkan ekonomi Malaysia. Agenda dasar kerangka MADANI bukan sahaja memberi tumpuan kepada penyelesaian masalah dan memenuhi keperluan negara, tetapi turut menyentuh pencorakan masa hadapan serta memenuhi potensi rakyat serta negara secara menyeluruh [7]. Enam nilai teras MADANI dicerakin sebagai kerangka dasar dan falsafah yang berkait rapat dan bersepadu, dengan setiap satu menguatkan yang lain. MADANI diilhamkan berdasarkan konsep kesediaan menerima perubahan, dengan mengambilkira saranan segenap lapisan masyarakat dengan hasrat pemulihan melalui Reformasi substantif demi Malaysia yang lebih maju dan makmur. Berikut merupakan teras yang digariskan oleh MADANI:

**Jadual 1**  
6 teras MADANI

| Teras         | Definisi                                                                                                    |
|---------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Kemampanan    | Mutu hidup seimbang berdasarkan citra Malaysia yang unik berasaskan ilmu pengetahuan dan kearifan tempatan. |
| Kesejahteraan | Kesejahteraan ekonomi, sosial dan kelestarian alam melalui budaya ilmu dan kepelbagaian pandangan.          |
| Daya Cipta    | Pembaharuan dan pengupayaan modal insan bagi menjelmakan daya cipta manusia.                                |
| Hormat        | Perilaku budi bahasa kepada kekayaan tradisi, merayakan kemajmukan dan meraikan perbezaan pandangan dunia.  |
| Keyakinan     | Menghidupkan harapan terhadap perubahan seiring sikap amanah melakukan perubahan ke arah kebaikan.          |
| Ihsan         | Belas ihsan akan nasib semua pihak melalui tindakan pemberdayaan kemanusiaan.                               |

MADANI memberi penekanan dalam menjaga kebajikan serta mengurangkan jurang ekonomi masyarakat Malaysia. Antara pelaksanaan program adalah memperkenalkan Menu Rahmah, meningkatkan gaji minimum mahupun menangani isu antarabangsa antaranya islamfobia. Kefahaman terhadap kerencaman budaya sosial di Malaysia juga dipertingkatkan. Apa yang lebih menarik, pelaksanaan MADANI adalah mesra belia dimana boleh diakses melalui media sosial popular seperti *Instagram*, *Facebook* dan *Twitter*. Pelaksanaan seperti ini mampu melahirkan generasi yang tidak buta tentang sejarah sekaligus menjadi generasi yang sentiasa cintakan perpaduan serta menghormati semua agama dan budaya etnik di Malaysia. Perpaduan dan keharmonian etnik boleh dipupuk melalui penglibatan didalam kegiatan yang melibatkan komuniti. Ini termasuklah menganggotai organisasi rasmi mahupun tidak rasmi [8].

## 2. Sorotan Literatur

Perpaduan antara kaum adalah teras kepada kestabilan dan kemajuan Malaysia. Namun, perpaduan hanyalah satu naratif yang seringkali diungkapkan apabila tibanya bulan kemerdekaan sahaja. Apa itu perpaduan? Umum mengetahui, perpaduan dalam sesebuah negara adalah tonggak penting dalam menentukan hala tuju negara. Maksud perpaduan menurut kamus dewan edisi keempat merupakan gabungan menjadikan satu atau sepakat. Menelusuri Sejarah penubuhan Malaysia pada tahun 1963 yang telah menyatukan Semenanjung Malaysia, Sabah, Sarawak dan Singapura [9]. Malahan pembentukan Malaysia telah melalui proses integrasi dalam kehidupan bermasyarakat yang sangat berbeza dengan negara jiran seperti Indonesia. Malaysia menerusi proses asimilasi dengan wujudnya penyatupaduan antara kaum [10]. Dalam melahirkan perpaduan antara kaum di Malaysia terdapat tiga komponen utama iaitu keadilan sosial yang memberi penekanan kepada hak asasi manusia dan keadilan dalam pembahagian sumber. Kemudian, kesaksamaan iaitu menyediakan peluang yang sama untuk semua rakyat tanpa mengira kaum dan agama. Terakhir adalah inklusiviti iaitu menggalakkan penyertaan semua pihak dalam pembangunan negara [11].

Di Malaysia konsep Malaysia Madani yang diperkenalkan oleh Kerajaan Malaysia terbaharu bertujuan untuk membina Masyarakat yang inklusif, berdaya saing dan harmoni dengan menggabungkan nilai-nilai seperti keadilan sosial, kesaksamaan, kebebasan dan keharmonian. Dalam konteks ini, Malaysia Madani bertujuan untuk mencapai keseimbangan dalam pelbagai aspek kehidupan, termasuk ekonomi, sosial dan politik [12]. Menurut kajian yang dilakukan oleh Ismail [13], konsep ini adalah gabungan antara prinsip-prinsip kemanusiaan sejagat dengan nilai-nilai tempatan yang unik kepada Malaysia. Enam nilai teras yang digariskan dalam Malaysia Madani termasuk kemampanan, kesejahteraan, daya cipta, hormat, keyakinan dan ihsan [14]. Perpaduan dalam kepelbagaian dilihat sebagai asas utama kepada kestabilan politik dan kemakmuran ekonomi di Malaysia [15]. Kajian yang dilakukan oleh Yaakob, et al [16] memberi tumpuan kepada integrasi dan perpaduan antara etnik Melayu dan Siam di Kelantan merupakan contoh mikro kepada usaha perpaduan yang lebih besar di Malaysia. Justeru, penekanan penulis diberikan terhadap pendekatan inklusif dan keadilan sosial sebagai kunci kepada perpaduan yang berkesan. Manakala Lina & Zaleha [17] melihat kepada kesepaduan sosial menjadi kunci penting kepada perpaduan nasional dan memastikan sesebuah Masyarakat berada dalam keadaan aman dan harmoni.

Banyak kajian dan perbincangan ilmiah daripada sudut etimologi, terminologi, epistemologi ke arah model perpaduan, namun adakah tahap agenda perpaduan dalam negara masih berada di tahap perpaduan atau sekadar berada di tahap kesepaduan dan penyatupaduan? [18]. Berikut adalah kesimpulan perbezaan antara perpaduan, kesepaduan dan penyatupaduan.

I. kesesuaian proses kesepaduan dalam realiti negara menjadi prasyarat penting kepada perpaduan nasional.

II. usaha penyatupaduan merupakan proses yang berterusan selagi wujudnya kepelbagaian.

III. kesepaduan ialah suasana aman dan Sejahtera namun, dalam masa yang sama Masyarakat memiliki perbezaan, persaingan, contestation dan khilaf antara satu sama lain.

### ***Perpaduan antara Kaum di Malaysia: Sejarah dan Evolusi***

Malaysia mempunyai sejarah panjang dalam usaha mencapai perpaduan antara kaum. Peristiwa konflik etnik pada 13 Mei 1969 menjadi titik penting dalam merangka dasar-dasar perpaduan [19]. Peristiwa hitam ini turut menjadi pengajaran kepada Malaysia sehingga didokumentasikan sebagai asas utama silibus pengajaran. Usaha ini penting sebagai pelengkap untuk mencapai perpaduan dalam kalangan Masyarakat. Menurut Shamsul [20], sebelum konsep perpaduan diperkenalkan dalam Rancangan Malaysia Kedua (1971-1975), konsep kesatuan terlebih dahulu digunakan yang mencirikan sifat sosio politik Malaysia. Konsep perpaduan telah diperkenalkan selepas tahun 1969 kerana masyarakat Malaysia dianggap sudah berpecah belah dan perlu dikembalikan pada suatu keadaan yang mengamalkan perpaduan [21]. Perpaduan antara kaum di Malaysia bermula pada era pra-kemerdekaan, ketika Tanah Melayu masih di bawah pemerintahan kolonial British. Penduduk Tanah Melayu terdiri daripada pelbagai kaum termasuk Melayu, Cina, India dan lain-lain. Setiap kaum mempunyai peranan ekonomi yang berbeza. Kaum Melayu melibatkan diri dalam pertanian, kaum Cina dalam sektor perlombongan dan perniagaan manakala kaum India dalam sektor perladangan. Lantaran itu, struktur ekonomi ini mewujudkan segregasi sosial antara kaum [22].

Semasa di Era Pra-Kemerdekaan pada awal abad ke-20, gerakan nasionalisme mula timbul, menuntut kemerdekaan daripada penjajahan British. Perjanjian Malaya 1948 dan kemudiannya Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957 memainkan peranan penting dalam menyatukan pelbagai kaum. Parti politik yang mewakili setiap kaum seperti UMNO (Melayu), MCA (Cina), dan MIC (India) membentuk Perikatan, menunjukkan kerjasama politik antara kaum untuk mencapai kemerdekaan [23].

Di zaman Pasca Kemerdekaan iaitu selepas kemerdekaan pada tahun 1957, usaha perpaduan terus dijalankan melalui dasar-dasar kerajaan. Namun, ketegangan antara kaum masih wujud, seperti yang dibuktikan oleh peristiwa 13 Mei 1969, yang merupakan rusuhan kaum terbesar dalam sejarah Malaysia. Peristiwa ini menjadi titik penting dalam pembentukan dasar perpaduan nasional [24].

Kemudian Pembentukan Rukun Negara berlaku pada Pasca 13 Mei 1969. Kerajaan telah memperkenalkan Rukun Negara pada tahun 1970 sebagai panduan untuk membina perpaduan nasional. Rukun Negara ialah sebuah ideologi kebangsaan Malaysia yang perlu menjadi pegangan seluruh rakyat negara ini. Rukun negara terbahagi kepada dua bahagian iaitu bahagian pertama menggariskan objektif masyarakat Malaysia yang hendak dibentuk. Antaranya adalah untuk mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan Masyarakat, memelihara satu cara hidup yang demokratik, mencipta satu Masyarakat yang adil dan saksama disamping menggunakan sains serta teknologi moden [25]. Manakala bahagian kedua menggariskan lima prinsip rukun negara (i) Kepercayaan kepada Tuhan, (ii) Kesetiaan kepada Raja dan Negara, (iii) Keluhuran Perlembagaan, (iv) Kedaulatan Undang-Undang dan (v) Kesopanan dan Kesusilaan menjadi asas kepada identiti nasional Malaysia.

Pada tahun 1970, kerajaan memperkenalkan Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang berlangsung dari tahun 1970 hingga 1990 untuk mengurangkan ketidakseimbangan ekonomi antara kaum. DEB bertujuan untuk membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum dan menyusun semula masyarakat supaya tidak lagi tertumpu kepada identifikasi kaum dengan fungsi ekonomi. Kemajuan pencapaian DEB dapat dilihat daripada segi pengurangan perbezaan pendapatan dan kemajuan yang dicapai oleh kaum bumiputera dan Masyarakat di Malaysia [26]. Pengenalan DEB dan Rukun Negara sebagai asas

dalam mengurangi jurang ekonomi antara kaum dan mempromosikan keharmonian sosial [27]. Kini, perpaduan antara kaum di Malaysia terus diperjuangkan melalui konsep Malaysia Madani yang diperkenalkan oleh kerajaan semasa. Malaysia Madani menekankan nilai-nilai seperti keadilan sosial, kesaksamaan, kebebasan, dan keharmonian. Inisiatif ini bertujuan untuk memupuk semangat kebersamaan dan saling menghormati dalam masyarakat pelbagai kaum di Malaysia.

### ***Cabaran dan Halangan dalam Mencapai Perpaduan***

Walaupun pelbagai usaha dilakukan, namun, masih terdapat pelbagai cabaran dan isu-isu untuk mencapai perpaduan antara kaum seperti ketidaksempatan ekonomi, polarisasi kaum dan prejudis masih wujud [28]. Kajian menunjukkan bahawa masih ada jurang persefahaman antara kaum yang perlu diatasi [29]. Selain itu, pengaruh media sosial dan politik identiti juga memberi impak besar terhadap perpaduan antara kaum [30]. Kajian oleh Yakoob et al [31], walaupun terdapat pelbagai usaha telah dijalankan, namun terdapat pelbagai cabaran dalam mencapai perpaduan kaum antaranya ketidakseimbangan ekonomi, prasangka kaum dan politik identiti sering kali menjadi penghalang terhadap perpaduan kaum,

### ***Pelaksanaan dan Impak Malaysia Madani: Program dan Inisiatif***

Gagasan Masyarakat madani telah dijadikan etos negara [32]. Menurut Syed Farid [33], istilah mujtama' madani iaitu terjemahan bahasa Arab bagi istilah civil society (masyarakat sivil) dan istilah masyarakat madani pula adalah terjemahan bahasa Melayu bagi istilah mujtama' madani. Masyarakat madani merujuk kepada sistem sosial yang berlandaskan kepada nilai moral demi untuk mencapai keseimbangan antara kebebasan individu dan masyarakat [34]. Beberapa program dan inisiatif di bawah konsep Malaysia Madani telah dilaksanakan untuk memperkukuh perpaduan antara kaum. Ini termasuklah program pendidikan, kempen kesedaran dan aktiviti-aktiviti komuniti [35]. Kerjasama antara sektor awam dan swasta juga dilihat sebagai langkah penting dalam merealisasikan matlamat Malaysia Madani [36]. Program Madani rakyat merupakan inisiatif yang dilakukan dan memberi peluang kepada Masyarakat setempat untuk berinteraksi dengan dasar dan inisiatif baharu Kerajaan. Antaranya Program MADANI Rakyat Zon Tengah diadakan di Kuala Selangor pada Februari 2024 dan Zon Utara diadakan di Pulau Pinang pada Mei 2024 [37]. Selain itu belanjawan 2024 menyokong pelbagai inisiatif Kerajaan termasuk Pembangunan rangkaian nilai agro makanan dan pemerkasaan agenda Kebajikan petani [38].

Selain itu, inisiatif Kerajaan menerusi komitmen fiskal dan subsidi di bawah ekonomi MADANI menekankan kepada pengurusan fiskal yang efisien dan rasionalisasi subsidi bertujuan meringankan beban fiskal serta memastikan bantuan disalurkan kepada yang memerlukan [39]. Selain itu kajian-kajian empirikal telah dijalankan untuk menilai keberkesanan konsep ini dalam meningkatkan perpaduan antara kaum. Dapatan menunjukkan bahawa program yang melibatkan interaksi langsung antara kaum dapat mengurangkan stereotaip dan meningkatkan persefahaman [40]. Namun, masih terdapat cabaran dalam memastikan pelaksanaan yang konsisten dan menyeluruh di semua peringkat masyarakat [41].

### ***Penerimaan Masyarakat Terhadap Malaysia Madani: Tahap Kesedaran dan Penerimaan***

Kesedaran Masyarakat dapat diukur melalui pemahaman mereka tentang inisiatif dan penerimaan mereka terhadap perubahan yang telah diperkenalkan. Beberapa kajian menunjukkan bahawa tahap kesedaran tentang Malaysia Madani masih rendah dalam kalangan rakyat. Kajian

mengenai persepsi masyarakat terhadap konsep Malaysia Madani menunjukkan bahawa ramai yang menyokong usaha ini kerana konsep ini mengutamakan keadilan sosial dan keharmonian [42]. Tahap kesedaran Masyarakat mengenai Malaysia Madani sering dipromosikan melalui kempen komunikasi digital yang menyasarkan peningkatan akses kepada teknologi dan maklumat di kawasan luar bandar. Sebagai contoh Kementerian Komunikasi dan Digital (KKD) telah mengurangkan harga internet prabayar dan menambah liputan 4G sebagai salah satu usaha untuk memastikan semua lapisan masyarakat mendapat akses secara adil [43]. Selain itu kajian yang dilakukan oleh Pusat Maklumat Sains dan Teknologi Malaysia (MASTIC) menunjukkan bahawa kesedaran masyarakat terhadap program-program yang dilaksanakan oleh kerajaan dapat diukur melalui minat, pengetahuan dan pemahaman Masyarakat terhadap inisiatif yang diperkenalkan [44].

Selain itu, Institusi Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) menekankan kepentingan pendekatan berhemah dalam mengurus Masyarakat berbilang bangsa di Malaysia. Antara isu yang diketengahkan adalah pengenalan tulisan jawi dalam silibus Pendidikan Islam dan ucapan sempena perayaan mencerminkan kepentingan usaha yang lebih serius dan konstruktif dalam mencapai keharmonian sosial [45]. Manakala menerusi belanjawan 2024 kerajaan komited meringankan beban golongan muda iaitu mengurangkan ketidaksamaan dan meningkatkan akses Pendidikan tinggi melalui Langkah-langkah seperti mengehadkan yuran Universiti Awam dan menyediakan pinjaman pendahuluan PTPTN [46].

Penerimaan Masyarakat terhadap Malaysia Madani juga dipengaruhi oleh keupayaan Kerajaan dalam melaksanakan dasar-dasar yang adil dan inklusif. [47]. (Selain itu usaha untuk mengharmonikan hubungan Masyarakat berbilang bangsa melalui pendekatan berhemah dan penuh rasa hormat terhadap kepelbagaian budaya, agama dan kaum turut mempengaruhi penerimaan Masyarakat terhadap konsep Malaysia Madani [48]. Namun, terdapat juga segelintir masyarakat yang skeptikal tentang keberkesanan konsep ini dalam menangani isu-isu perpaduan yang telah lama berlarutan. Persepsi ini penting untuk difahami bagi memastikan usaha perpaduan dapat diterima dan dilaksanakan dengan berkesan [49]. Menurut Jabatan Komunikasi dan Digital Malaysia [50], sebanyak 87% rakyat menyatakan sokongan terhadap konsep Malaysia MADANI setelah mendapat pendedahan melalui media dan pelbagai program kerajaan. Penerimaan positif ini turut diperkukuh melalui pelaksanaan program komuniti seperti Semarak MADANI dan penubuhan Komuniti MADANI yang bertujuan memperluas penglibatan masyarakat dalam memahami serta menghayati gagasan tersebut [51]. Di samping itu, penerimaan masyarakat juga berkait rapat dengan impak sosial dan ekonomi yang dirasakan. Kajian Universiti Utara Malaysia mendapati 82% responden menyokong 30 inisiatif ekonomi MADANI yang dilaksanakan, menunjukkan bahawa apabila manfaat ekonomi dapat dirasakan secara langsung, tahap penerimaan rakyat terhadap Malaysia MADANI cenderung meningkat [52].

### ***Teori Struktur Fungsional***

Menerusi kajian ini teori struktur fungsional digunakan sebagai kerangka utama dalam membincangkan tentang perpaduan antara kaum berteraskan konsep Malaysia Madani. Teori struktur fungsional adalah pendekatan dalam sosiologi yang menekankan kepentingan fungsi sosial bagi keharmonian dan kesepaduan dalam masyarakat. Dalam konteks penyelidikan mengenai perpaduan antara kaum berteraskan konsep Malaysia Madani, teori ini memberikan pandangan yang relevan tentang bagaimana konsep ini memainkan peranan dalam memperkukuhkan integrasi sosial di Malaysia. Umum mengetahui bahawa, perpaduan antara kaum bermula sejak tahun 1970-an dan sehingga sekarang masih bermain di bibir masyarakat. Malah masyarakat lebih mengenali perbezaan dan hubungan antara etnik daripada segi kelas sosial iaitu antara yang kaya dan miskin. Perbezaan

kaya dan miskin juga begitu dominan dan turut dilihat dari lensa etnik [53]. Menurut Talcot Parson [54], teori struktur fungsional menyatakan bahawa masyarakat adalah satu sistem sosial. Maka, menerusi sistem sosial tersebut masyarakat terdiri daripada pelbagai bahagian iaitu setiap bahagian mempunyai fungsi-fungsi tertentu yang mampu memberikan sumbangan kepada setiap golongan masyarakat.

Pertama, penyesuaian dengan alam sekitar iaitu mengadaptasi perpaduan. Fungsi utama perpaduan adalah aspek dalam masyarakat mempunyai fungsi tertentu yang menyumbang kepada kestabilan dan kesinambungan sistem sosial. Dalam konteks Malaysia Madani, konsep ini berusaha untuk memastikan setiap individu dan kumpulan dalam masyarakat rasa dihargai, terlibat secara aktif dan memperoleh manfaat yang sama dalam pembangunan negara. Kemudian integrasi sosial iaitu penekanan diberikan terhadap pri pentingnya integrasi sosial, iaitu semua anggota masyarakat, tanpa mengira latar belakang etnik atau kepercayaan agama, saling bekerjasama dan menghormati antara satu sama lain. Integrasi sosial yang kukuh membantu mengurangkan konflik antara kaum, menggalakkan toleransi dan memperkukuhkan identiti nasional.

Kedua aplikasi teori struktur fungsional dalam konteks Malaysia Madani. Dalam konteks ini pengurangan ketegangan antara kaum yang mungkin timbul akibat ketidaksamarataan ekonomi, politik, dan sosial. Justeru, dengan menyediakan peluang yang saksama untuk semua rakyat Malaysia teori ini meramalkan bahawa ketegangan sosial dapat dikurangkan kerana setiap individu merasa diiktiraf dan mempunyai akses yang sama terhadap sumber daya dan peluang. Teori struktur fungsional juga menggariskan bahawa sistem sosial yang berfungsi dengan baik adalah sistem yang memperkukuhkan kesejahteraan sosial. Dalam konteks Malaysia Madani, usaha untuk meningkatkan kesejahteraan sosial melalui pengurangan jurang sosial antara kaum dan penyediaan perkhidmatan awam yang merangkumi semua lapisan masyarakat adalah penting. Justeru, peranan institusi sosial seperti institusi pendidikan, media dan agama memainkan peranan penting dalam menyokong konsep Malaysia Madani. Melalui pendidikan yang menyeluruh dan inklusif, media juga perlu bertanggungjawab dalam menyebarkan maklumat dan terakhir peranan agama dalam mempromosikan nilai-nilai moral dan etika yang bersama, maka teori struktur fungsional dapat menggariskan bagaimana institusi-institusi ini membentuk persepsi dan sikap masyarakat terhadap perpaduan antara kaum.

Ketiga sejauhmanakah konsep ini bertepatan di hati masyarakat melalui penerimaan dan penguatan nilai bersama. Berdasarkan teori struktur fungsional menyarankan bahawa apabila konsep seperti Malaysia Madani diterima secara meluas oleh masyarakat dan nilai-nilai yang dibawa olehnya diperkukuhkan, maka kesepaduan sosial dapat ditingkatkan. Penerimaan yang baik terhadap konsep ini bergantung kepada kejayaan program-program yang dijalankan di bawahnya seperti program pendidikan multikultural dan kempen kesedaran. Namun, terdapat cabaran dan halangan walaupun konsep ini mempunyai potensi yang besar, cabaran seperti resistensi daripada kumpulan-kumpulan tertentu atau kurangnya sumber daya untuk melaksanakan program-program yang berkesan boleh menghalang pencapaian matlamatnya. Dalam konteks ini, teori struktur fungsional menggariskan keperluan untuk memastikan sokongan yang berterusan dari semua pihak dan pembangunan yang berterusan dari institusi sosial.

Dengan menggunakan pendekatan teori struktur fungsional dalam penyelidikan mengenai perpaduan antara kaum berteraskan konsep Malaysia Madani, penekanan diberikan kepada bagaimana setiap aspek dan institusi dalam masyarakat memainkan peranan untuk menyokong integrasi sosial yang lebih baik. Ini memberikan landasan teoritikal yang kukuh untuk memahami dan menilai sejauh mana konsep ini bertepatan di hati masyarakat serta untuk merancang langkah-langkah yang lebih efektif dalam meningkatkan kesepaduan sosial di Malaysia.

Sorotan literatur ini menunjukkan bahawa konsep Malaysia Madani berpotensi besar untuk memperkukuh perpaduan antara kaum di Malaysia. Secara keseluruhan, kajian-kajian ini menunjukkan bahawa perpaduan antara kaum di Malaysia yang berteraskan konsep Malaysia Madani adalah bertepatan di hati masyarakat dengan syarat pendekatan inklusif dan keadilan sosial terus diutamakan. Kajian-kajian ini juga menunjukkan bahawa menghargai kepelbagaian dan mencari titik persamaan adalah kunci kepada perpaduan yang berkesan. Walaupun terdapat cabaran dalam pelaksanaan dan penerimaan, usaha berterusan melalui pendidikan, media, dan penglibatan komuniti dapat membantu merealisasikan matlamat ini. Penyelidikan lanjut diperlukan untuk mendapatkan gambaran yang lebih mendalam tentang keberkesanan dan penerimaan konsep ini dalam kalangan masyarakat Malaysia.

### **3. Perbincangan**

Malaysia merupakan sebuah negara yang unik dengan kepelbagaian etnik dan budaya sosial yang menjadi teras kepada kestabilan dan kemajuan negara. Namun, perpaduan antara kaum bukanlah sesuatu yang mudah dicapai, apatah lagi untuk dipertahankan dalam suasana yang semakin mencabar. Perpaduan adalah tonggak utama dalam menentukan hala tuju negara, dan Malaysia telah melalui pelbagai proses dalam usaha untuk mencapai perpaduan yang kukuh sejak penubuhannya. Dalam konteks ini, konsep Malaysia Madani yang diperkenalkan oleh Dato' Seri Anwar Ibrahim sebagai Perdana Menteri ke-10 merupakan satu usaha terkini yang bertujuan untuk memperkukuh perpaduan antara kaum di Malaysia dengan membina masyarakat yang inklusif, adil dan harmoni dengan menekankan kesaksamaan, keadilan dan inklusiviti sebagai nilai teras. Namun, sejauh manakah konsep ini bertepatan di hati masyarakat Malaysia yang rencam?

Dalam usaha memperkukuh perpaduan, konsep Malaysia Madani memperkenalkan pendekatan baru yang menggabungkan nilai-nilai tempatan dengan prinsip-prinsip sejagat seperti keadilan sosial dan kesaksamaan. Pendekatan ini bertepatan dengan keperluan semasa masyarakat Malaysia yang semakin kompleks dan global. Menurut Ismail [55], Malaysia Madani tidak hanya menekankan aspek perpaduan dalam kepelbagaian tetapi juga berusaha membentuk masyarakat yang lebih adil dan inklusif, di mana setiap individu, tanpa mengira kaum atau agama, diberikan peluang yang sama untuk berjaya.

Namun begitu, cabaran mencapai perpaduan ini tidak boleh dipandang remeh. Ketidaksamarataan ekonomi antara kaum masih wujud dan menjadi punca kepada ketegangan sosial. Polarisasi kaum, yang sering diperkuat oleh retorik politik dan media, juga menghalang usaha perpaduan. Dalam konteks ini, Malaysia Madani dilihat sebagai satu usaha untuk menangani cabaran-cabaran ini dengan lebih holistik. Penekanan terhadap keadilan sosial dan inklusiviti, jika dilaksanakan dengan berkesan, boleh membantu mengurangkan ketidaksamarataan dan membina jambatan antara kaum.

